



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI



Jabatan Sains dan Teknologi

Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains

Photo by Choo Choy May

Pengenalan

“Penguasaan ilmu sains, teknologi dan inovasi perlu diperkasa bagi memastikan negara terus berdaya saing dalam kemajuan sosial dan ekonomi”. Berikut merupakan petikan ucapan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sains Negara (NSC) Siri Kedua 2020 di Bangunan Parlimen pada 14 Julai 2020. Hasrat ini sangat jelas bahawa bidang sains dan teknologi sangat penting dalam negara kita bagi membangunkan sektor ekonomi dan pertanian secara menyeluruh terutamanya dari aspek penggunaan alatan yang lebih canggih dan pengurusan pembangunan dan penyelidikan yang lebih produktif.


Bidang Kejuruteraan merupakan pemangkin kepada pembangunan negara termasuk bidang pertanian moden selaras dengan matlamat untuk memperkasakan serta memastikan bekalan makanan mencukupi. Lazimnya, bidang kejuruteraan pertanian merangkumi semua aktiviti kejuruteraan terutamanya dalam aspek pengeluaran pertanian untuk makanan dan penggunaan bahan bukan makanan. Justeru, jurutera pertanian memainkan peranan penting dalam menyelesaikan masalah-masalah yang melibatkan pertanian. Antara aspek yang perlu diberi perhatian ialah mengenai kecekapan jentera, bekalan kuasa, penggunaan struktur dan kemudahan, penggunaan air untuk aktiviti pertanian, isu pemeliharaan alam sekitar dan penyimpanan serta pemprosesan produk pertanian.

Seiring dengan kemajuan dalam bidang kejuruteraan, pengurusan tenaga boleh diperbaharui juga adalah aspek utama kepada kemajuan ekonomi dan kesejahteraan sejagat. *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE) merupakan salah satu program yang menyokong pengurusan tenaga yang boleh diperbaharui dengan efektif dan berkesan. Dalam pelaksanaan SCORE terdapat sepuluh industri utama yang terlibat iaitu *palm oil based, aquaculture, timber-based, aluminium, steel and ferroalloy, marine engineering, tourism, oil and gas, livestock* dan *solar gas*. Selain itu, perkembangan kimia perindustrian dilihat mampu meningkatkan peluang pekerjaan kepada golongan muda terutamanya di bandar Bintulu yang dikenali sebagai bandar perindustrian di Sarawak.


Sejajar dengan keperluan SCORE pengurusan keselamatan dan kecemasan (*Emergency and Safety Management*) juga sangat penting dan perlu terutamanya di semua kilang sama ada yang melibatkan industri kimia dan pelbagai lagi industri-industri lain. Hal ini bertujuan bagi memastikan keselamatan pekerja sentiasa terjamin supaya mereka sentiasa bermotivasi untuk melakukan kerja harian.

Melihat kepada pentingnya peranan bidang ini terutamanya di Bintulu, Sarawak, Universiti Putra Malaysia Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB) melalui Jabatan Sains dan Teknologi (JSTek) telah menawarkan beberapa program pengajian bagi membantu usaha kerajaan melahirkan modal insan dalam bidang kejuruteraan pertanian, bidang sains dan teknologi serta tenaga yang mahir dalam bidang kimia perindustrian. Program yang ditawarkan adalah seperti berikut:

1. Ph.D
2. Master Sains Dengan Tesis
3. Bachelor Sains Kimia Perindustrian dengan Kepujian
4. Diploma Kejuruteraan Pertanian
5. Diploma Sains Komputer
6. Program Persediaan Diploma Sains



Program Persediaan Diploma Sains




42

kredit

1

tahun



Diiktiraf
MQA



Tenaga pengajar
berkelulusan PhD/Master



Pengeluar tenaga
separa-profesional



Aktiviti secara
hands-on



Peratusan bekerja
melebihi 80%




Menyokong dasar
Pendidikan Tinggi Negara



Menyokong 17 UN
**Sustainable Development Goals
(SDG)**

SUSTAINABLE
DEVELOPMENT GOALS

Diploma Kejuruteraan Pertanian



105

kredit

3

tahun



Diiktiraf
MQA



Tenaga pengajar
berkelulusan PhD



Pengeluar tenaga
separa-profesional



Aktiviti secara
hands-on



Peratusan bekerja
melebihi 80%




Menyokong dasar
**Agro Makanan Negara &
kelestarian Pertanian Malaysia**




SUSTAINABLE
DEVELOPMENT GOALS

Menyokong 17 UN
**Sustainable Development Goals
(SDG)**



Diploma Sains Komputer



91

kredit

2

tahun

6

bulan



Diiktiraf
MQA



Tenaga pengajar
berkelulusan PhD



Pengeluar tenaga
separa-profesional



Aktiviti secara
hands-on



Peratusan bekerja
melebihi 80%




Menyokong dasar
Pendidikan Tinggi Negara



SUSTAINABLE
DEVELOPMENT GOALS

Menyokong 17 UN
**Sustainable Development Goals
(SDG)**



Bachelor Sains Kimia Perindustrian dengan Kepujian




125

kredit

4

tahun



Diiktiraf
MQA



Tenaga pengajar
berkelulusan PhD




Pengeluar tenaga
profesional



Aktiviti secara
hands-on



Menyokong dasar
**Sains, Teknologi dan Inovasi
Negara**



SUSTAINABLE
DEVELOPMENT GOALS

Menyokong 17 UN
**Sustainable Development Goals
(SDG)**

Matlamat Program

 Pekerja
Separa
Professional

 Sambung ke
peringkat
bacelor

 Usahawan

KERJAYA Alumni JSTek



Dennes Dem Anak Unsudin *PDS' 16*

Restaurant Manager

QSR Store Sdn Bhd



Nabila binti Musa *DKP' 12/15*

Penyelia Landscape

SGT ventures sdn bhd



Muhammad Azri Asyraf Bin Kayalan *DKP' 13/16*

Assistant Manager (Mill)

Kulim (M) Bhd



Ahmad Rahmat Zuhri Bin Dzulkfli *DKP' 15/18*

Outlet Supervisor

99 Speedmart Sdn. Bhd.



Nur Hidavah Binti Sanusi *DKP' 15/18*

Assistant Officer @ HR

Kaneka (Malaysia) Sdn Bhd



Areeshah Amanda Binti Harisin @Sahirin *PDS' 17*

Vet Assistant

Sunriz Ranau Veterinary Clinic & Surgery

Menyambung Pengajian Dalam Pelbagai Bidang



B.Kejuruteraan Pertanian Dan Biosistem

UPM Serdang



Mohd Faez Bin Abdul Fauze *PDS' 16*

B.Hortikultur

UPM Serdang



Muizzuddin Akmal Bin Mohammed *PDS' 16*

BS.Sains Pengurusan Perladangan

UPM Serdang



Mohd Farhan Bin Aznor *PDS' 16*

BS.Sains Pengurusan Perladangan

UPM Serdang



Suehaiveey Tangumoh *PDS' 16*

B.Pendidikan Sains Pertanian

UPSI

 Alumni 



Latihan Industri

Diploma Kejuruteraan Pertanian

semester

6

14

minggu


Bachelor Sains Kimia Perindustrian dengan Kepujian

semester

8

16

minggu



Pendedahan kepada alam pekerjaan



Mendedahkan kepada persekitaran kerja yang sebenar dan menimba ilmu melalui *hands-on* dalam pelaksanaan pekerjaan

Peningkatan kemahiran



Etika kerja, komunikasi, pengurusan dan lain-lain

Jaringan dengan industri



Jaringan kolaborasi dengan pihak industri



Sistem Penasihat Akademik (PA)

Mentor-Mentee

Hubungan (pensyarah-pelajar) dengan tujuan menanamkan keyakinan diri dan motivasi untuk belajar sehingga pelajar akhirnya mencapai kejayaan dalam program pengajian mereka.

Penetapan PA

Pelajar tersebut akan dibimbing oleh PA sepanjang pengajiannya di universiti.

Kawan yang Dipercayai

PA adalah berpengetahuan, rakan yang berpengalaman dan dipercayai untuk pelajar di bawah bimbingannya.

Perjumpaan PA

Berjumpa dengan PA anda semasa pengajian di universiti

Perbincangan Berkumpulan

Perbincangan berkumpulan dalam kalangan pelajar dan penasihat akademik amat digalakkan. Pelajar boleh membincangkan pengajian, kerjaya, dan sebagainya dengan PA mereka.

Pengesahan PA

Pelajar dikehendaki mendapatkan kelulusan PA untuk mendaftar kursus atau menukar kursus setiap semester.

Mendapatkan Nasihat

Dapatkan nasihat, pandangan, atau pemikiran dari PA mengenai masalah akademik atau peribadi.


Perjumpaan 2 kali satu semester

Pelajar digalakkan untuk bertemu dengan PA sekurang-kurangnya dua kali setiap semester (pra-pendaftaran dan pendaftaran) untuk membincangkan kemajuan akademik mereka.



Aktiviti-aktiviti Pelajar

Diploma Kejuruteraan Pertanian





Pengiktirafan

Program pengajian ini telah digembleng oleh pakar terlatih dalam bidang berkaitan dan turut diiktiraf oleh universiti antarabangsa dengan menjalinkan kolaborasi bersama Yang Zhou University, China. UPMKB juga merupakan satu-satunya universiti yang mempunyai Biorefinery Station di Kepulauan Borneo yang dibangunkan bertujuan untuk meningkatkan kredibiliti UPMKB dengan adanya kemudahan yang memenuhi keperluan seperti dalam Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE) dan membantu staf dalam melakukan penyelidikan serta memabantu UPM dalam engekalkan kedudukan dalam ranking UI Green Metric.

Program pengajian yang ditawarkan di UPMKB telah mendapat pengiktirafan daripada Malaysian Qualification Agency (MQA). Graduan daripada program seumpamanya mempunyai peluang kerjaya yang cerah dalam sektor awam dan swasta. Selain itu, lepasan pelajar turut berpeluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Bachelo juga sentiasa terbuka kepada mereka di mana-mana universiti awam dan swasta.



Hubungi Kami:

Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak



Jalan Nyabau, Peti Surat 396,
97008 Bintulu, Sarawak, Malaysia



upmkb@upm.edu.my



086-855434



www.btu.upm.edu.my